

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 15 MAC 2018

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang projek dan program yang sedang dijalankan dan juga perancangan yang akan dilaksanakan untuk menjayakan Tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia :-

- a) jumlah kos yang diperlukan demi tujuan ini dan anggaran tambahan jumlah pelancong pada tahun 2020; dan
- b) anggaran tambahan hasil dan pendapatan program ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran kempen Tahun Melawat Malaysia telah diadakan sebanyak empat (4) kali bermula tahun 1990 dengan tema "*Fascinating Malaysia*", "*Fascinating Malaysia - Naturally More in 1994*" (1994), "*Celebrating 50 Years of Nationhood*" (2007) dan "*Celebrating 1Malaysia Truly Asia*" (2014). Secara perbandingan, keempat-empat penganjuran kempen ini telah menunjukkan peningkatan peratusan kedatangan pelancong bagi VMY 1990, 1994, 2007 dan 2014 iaitu masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 54%, 11%, 20% dan 6.7%. Justeru itu, jelas menunjukkan bahawa penganjuran kempen VMY telah memberikan impak positif kepada kedatangan dan pendapatan pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Economic Transformation Programme (ETP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Oktober 2010 telah menetapkan sasaran kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mencapai kedatangan pelancongan seramai 36 juta orang dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM168 bilion dan juga merealisasikan visi Malaysia sebagai Negara Berpendapatan Tinggi pada tahun 2020.

Justeru itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah merangka pelan pembangunan industri pelancongan iaitu MTTP 2020:36:168 yang merangkumi pelan tindakan bagi membolehkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mencapai sasaran yang

75

telah ditetapkan oleh ETP. Dalam menjayakan MTTP 2020:36:168 ini, kempen VMY 2020 dilihat akan menjadi pemangkin dan penggerak utama dalam mencapai sasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen VMY 2020 merupakan satu **misi nasional** yang akan melibatkan pelbagai kementerian, agensi, jabatan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan pengiat-pengiat industri melalui kerjasama strategik menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). NBOS menekankan prinsip kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan pantas. Pendekatan ini penting untuk memastikan program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2020 memberi impak yang optimum kepada industri pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran VMY 2020 adalah bertujuan untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong serta meningkatkan pendapatan industri pelancongan negara. Justeru itu, acara-acara yang dianjurkan adalah bertaraf dunia, unik, inovatif dan berimpak tinggi. Acara-acara utama (*signature events*) sedia ada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan seperti Citrawarna, *Royal Pahang Billfish International Challenge* dan Majlis Rumah Terbuka Malaysia akan diperkasakan lagi untuk memberikan impak yang maksimum. Selain itu, bagi menggalakkan pengunjung untuk tinggal lebih lama di negara ini dan berbelanja lebih, acara-acara dan program-program yang bakal dijalankan akan dikelompokkan mengikut jenis/kategori, tempoh masa dan lokasi.

Tuan yang di-Pertua,

Pada tahun 2020, Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kemuncak *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) dan Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) serentak dengan penganjuran VMY 2020 yang dilihat dapat memperkenalkan Malaysia secara lebih dekat kepada para delegasi dari seluruh rantau Komanwel dan Asia Pasifik yang hadir ke persidangan tersebut. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yakin sambutan dan publisiti yang meluas dapat memberikan impak positif ke atas penganjuran kedua-dua program tersebut.

Kementerian melalui *Malaysia Convention and Exhibition Bureau* (MyCEB) turut akan membuat bidaan bagi penganjuran acara-acara *hallmark* (*Malaysia Major Event*) yang bertaraf antarabangsa untuk dianjurkan di Malaysia bagi tempoh 2018 sehingga 2020. Ini kerana segmen *Meeting, Incentives, Conventions & Exhibitions* (MICE) atau *Business Event* merupakan salah satu segmen utama dalam industri pelancongan yang menjana tukaran wang asing tinggi kepada ekonomi negara. Penganjuran Kempen VMY 2020 juga akan memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam sebarang proses bidaan penganjuran acara-acara MICE untuk diadakan di Malaysia. Dijangkakan bagi tempoh 2018 sehingga 2020, sebanyak 67 persidangan antarabangsa akan berjaya dibida dan dianjurkan dengan bilangan delegasi seramai 109,900 orang dan impak ekonomi sebanyak RM882.4 juta.

Tuan yang di-Pertua,

Bagi aktiviti promosi dan pengiklanan pula, Kementerian melalui Tourism Malaysia (TM) akan mengadakan kerjasama strategik dengan komuniti sosial media dalam membangunkan aktiviti promosi dan

77

pemasaran yang bersepadu dan agresif dalam mempromosikan Malaysia sebagai *top of the mind tourist destination*. Promosi dan pemasaran juga akan dijalankan secara *media hype* dan platform media sosial dengan membangunkan kandungan kreatif mengikut kesesuaian sasaran pasaran (*targeted market*) kerana setiap pasaran mempunyai permintaan yang unik dan tersendiri. Dengan ini, Malaysia dapat meletakkan dirinya pada kedudukan yang lebih baik dalam setiap pasaran berbanding dengan negara-negara pesaing lain seperti Indonesia dan Thailand.

Selain itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah merangka pelan komunikasi yang menyeluruh melalui siaran media dan akhbar serta media sosial bagi mewar-warkan kempen VMY 2020 bagi merencanakan lagi industri pelancongan negara.

Manakala, aktiviti promosi kempen VMY 2020 turut akan diadakan di peringkat domestik seperti 'Cuti-Cuti 1Malaysia, Dekat Je' bagi mempromosikan destinasi pelancongan di kalangan pelancong tempatan. Sempena VMY 2020, Kementerian akan mempergiatkan lagi usaha untuk membangunkan sektor pelancongan domestik dengan memfokuskan kepada tarikan dan aktiviti ekopelancongan di seluruh negara.

Tuan yang di-Pertua,

Selain itu, kursus khas *We Are The Host* akan diteruskan untuk melatih semua *frontliners* di dalam sektor pelancongan terutamanya di pusat penerangan pelancong dan lapangan terbang bagi memastikan para pelancong berpuas hati dan selesa dengan perkhidmatan yang disediakan. Sebagai tuan rumah bagi Kempen VMY 2020, barisan hadapan perlu bersedia menerima kehadiran para pelancong dan

memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Kursus ini penting bagi memahami kepentingan dan meningkatkan kemahiran khidmat pelanggan yang unggul bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Selain itu, kursus ini juga akan memberi penekanan kepada kaedah berkomunikasi secara berkesan dengan pelancong, meningkatkan tahap kesedaran kepentingan industri pelancongan dan berkongsi maklumat mengenai produk pelancongan yang terkini.

Kementerian juga akan memperbanyakkan lagi kursus bagi melatih *nature guide* dan *specialized guide* seperti *birding guide*. Inisiatif *Voluntourism* juga akan dikembangkan bagi menarik penyertaan sukarelawan bukan sahaja dalam negara tetapi juga dari luar negara untuk turut terlibat sama dalam aktiviti sukarelawan di pusat-pusat konservasi hidupan liar dan kawasan-kawasan ekopelancongan dan seterusnya berkongsi pengalaman mereka melalui kempen #SayangMalaysia. Ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung pemuliharaan dan konservasi alam semula jadi.

Tuan yang di-Pertua,

Pengukuhan kemudahan dan infrastruktur pelancongan juga merupakan antara elemen yang penting bagi menjayakan kempen VMY 2020. Kualiti kemudahan pelancongan perlulah sejajar dengan perkembangan semasa bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna. Oleh yang demikian, Kementerian akan menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan di kawasan-kawasan ekopelancongan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan para pelancong sempena kempen VMY 2020.

79

Selain itu, kerja-kerja pengindahan dan perhiasan di bandar-bandar utama juga akan dijalankan bagi memastikan tahap kebersihan dan keceriaan sentiasa terjaga dan memberi gambaran yang positif kepada para pelancong yang hadir. Dalam hal ini, Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta kerajaan negeri bagi meningkatkan lagi aspek kebersihan dan keceriaan di bandar-bandar utama yang menjadi tumpuan para pelancong di seluruh negara.

Sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi semasa, kemudahan jalur lebar dan internet berkelajuan tinggi di kawasan-kawasan ekopelancongan akan dipertingkatkan bagi memberi kemudahan kepada para pelancong untuk berhubung dan menyampaikan maklumat dengan pantas berkenaan destinasi ekopelancongan yang dilawati menerusi media sosial. Justeru itu, Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk meningkatkan lagi akses kepada kemudahan jalur lebar dan internet berkelajuan tinggi di kawasan-kawasan ekopelancongan yang menjadi tumpuan para pelancong.

Tuan Yang di-pertua,

Dalam usaha menyelaraskan pelaksanaan semua program dan aktiviti VMY 2020, **satu Unit Khas iaitu Sekretariat VMY 2020** telah ditubuhkan di bawah TM pada 4 Disember 2017. Semua aktiviti promosi dan pemasaran VMY 2020 akan dikendalikan oleh TM melalui Sekretariat VMY 2020 manakala pengendalian acara dan program akan dilaksanakan oleh Kementerian.

Secara ringkasnya, **Sekretariat VMY 2020** bertanggungjawab untuk melaksanakan perancangan dan persiapan sebelum, semasa dan

selepas pelaksanaan VMY 2020. Setakat ini, satu Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemandu VMY 2020 yang mempunyai keanggotaan pelbagai kementerian, agensi dan jabatan telah diadakan pada 19 Januari 2018 dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi membincangkan mengenai cadangan program-program dan aktiviti sempena tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menganjurkan VMY 2020, Kementerian memerlukan suntikan peruntukan kewangan tambahan bagi melaksanakan acara bertaraf antarabangsa serta aktiviti promosi, publisiti dan pemasaran yang agresif bagi meningkatkan lagi imej Malaysia di peringkat global serta menjayakan kempen tersebut. Pengalaman lepas menunjukkan suntikan peruntukan tambahan dapat menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan.

Perbelanjaan penganjuran VMY 2007 yang merangkumi tahun 2006 sehingga 2008 adalah sebanyak RM329 juta dan perbelanjaan penganjuran VMY 2014 adalah berjumlah RM190 juta bagi tahun 2013 sehingga 2014. Bagi penganjuran VMY 2020, anggaran peruntukan kewangan yang telah diluluskan bagi promosi VMY 2020 untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM180,000,000.

Tuan yang di-Pertua,

Bagi membandingkan perbelanjaan kempen promosi dan pengiklanan dengan negara-negara serantau, pada tahun 2016, Thailand telah memperuntukkan sejumlah USD406.3 juta bagi kempen *Amazing Thailand* manakala Indonesia telah memperuntukkan sebanyak USD225 juta bagi kempen *Wonderful Indonesia*. Malaysia

81

pula hanya membelanjakan sebanyak USD29.35 juta bagi kempen *Malaysia Truly Asia* bagi tahun tersebut. Lanjutan daripada kempen secara besar-besaran tersebut, Thailand dan Indonesia masing-masing telah mencatatkan pertumbuhan yang positif bagi jumlah kedatangan pelancong pada separuh tahun pertama 2017 (sehingga Mei 2017) dengan peningkatan sebanyak 3% dan 20.8% manakala Malaysia mencatatkan kemerosotan sebanyak -0.9%.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya yakin bahawa dengan penganjuran kempen VMY 2020 akan memberi manfaat besar kepada rakyat Malaysia dan kesan jangka panjang dari segi pertambahan pendapatan tukaran asing. Ia juga akan menjana aktiviti-aktiviti ekonomi dan mewujudkan kesan limpahan kepada sektor-sektor ekonomi lain yang berkaitan termasuk meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Dalam usaha menjayakan VMY 2020, kesedaran masyarakat di peringkat akar umbi adalah penting dan mereka merupakan nadi penggerak kepada segala aktiviti-aktiviti kempen VMY 2020 selain daripada *stakeholders* industri pelancongan.

Sekian, terima kasih.